

12/06/2000

Aishah `penamat' sumpah Mahsuri

Fazli Arman

TIBA-TIBA saja seorang gadis manis bernama Sirintra Yayee, 14, yang sering menolong ibunya menjual surat khabar pada waktu lapang, mencuri perhatian umum dan diberi sambutan istimewa di Langkawi, baru-baru ini.

Di kampungnya di Kamala, Phuket Thailand, Sirintra seperti gadis seusianya - setiap hari ke sekolah, membantu ibu bapa menguruskan kerja rumah serta bersuka ria dengan rakan taulan jika ada kelapangan.

Bagaimanapun, sebaik menjejak kaki ke Langkawi pada 30 Mei lalu, nama Sirintra seolah-olah tidak wujud lagi, beliau lebih dikenali sebagai Aishah Nawawi dan tanggapan ramai terhadapnya juga berbeza berbanding ketika di kampung halamannya.

Paluan kompong dan bunga manggar menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dengan ratusan pasang mata tertumpu kepadanya walaupun beliau datang bersama tujuh ahli keluarga.

Sambutan istimewa tidak berhenti setakat itu, Aishah kemudian menghadiri majlis perasmian Fiesta Langkawi dan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta mengadap Sultan dan Sultanah Kedah.

Secara ringkas, sepanjang empat hari berada di negara ini, Aishah yang ayahnya seorang pemandu tut-tut (sejenis pengangkutan awam di Thailand) manakala ibunya pengemas bilik hotel, diberi layanan `kelas pertama' yang tidak pernah beliau jangka.

Sambutan itu diberi kerana Aishah atau Sirintra (nama Siam) adalah generasi ketujuh Mahsuri yang begitu sinonim dan menjadi legenda Pulau Langkawi.

Mengikut kisah, kelahiran keturunan ketujuh Mahsuri akan menamatkan sumpahan wanita terbabit ke atas Langkawi yang menjadi padang jarak padang tekukur kerana beliau difitnah curang terhadap suami lalu dihukum bunuh pada 1819.

"Saya terharu jika kelahiran saya menamatkan sumpahan itu," kata Aishah yang menuntut di tingkatan empat ketika ditemu ramah sejurus tiba di Langkawi.

Aishah mengakui beliau belum mendalami pelbagai versi mengenai legenda Mahsuri, sebaliknya hanya mengetahui kisah itu daripada datuknya, Wan Hashim Wan Hussain, 62.

Mungkin secara kebetulan, kelahirannya pada 1985 turut memperlihatkan Langkawi semakin maju, terutama apabila diisytihar sebagai pulau bebas cukai pada 1987.

Mengikut kajian peringkat sarjana oleh seorang guru yang juga ahli Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kedah, Ramlee Mohd Shariff, ada 14 versi berbeza mengenai Mahsuri serta satu dari Phuket.

Mengikut versi tempatan, Mahsuri difitnah oleh Wan Mahora iaitu isteri Datuk Pekerma Jaya, penghulu Langkawi waktu itu kerana cemburu dengan kecantikannya lalu dihukum bunuh ketika suaminya, Wan Derus berperang menentang tentera Siam.

Sebaliknya, versi Mahsuri dari Phuket menceritakan wanita itu difitnah oleh adik ipar beliau yang ada hati terhadapnya tetapi tidak dilayan. Kejadian itu dikatakan berlaku ketika Wan Derus berdagang di Namnoi (terletak di sempadan Ligor dan Senggora).

Bagaimanapun, versi tempatan dan Phuket sependapat Pekerma Jaya menyesal atas tindakannya kerana menjatuhkan hukuman tanpa usul periksa manakala Wan Derus membawa diri ke Phuket bersama anaknya, Wan Hakim.

Kedatangan Aishah ke Langkawi bukan sekadar menyerikan pementasan

Pengkisahan Mahsuri yang diadakan sempena Fiesta Langkawi, malah mengeratkan semula hubungan antara dua keluarga yang dulunya berpisah dan saling mencurigai kerana tragedi Mahsuri.

Pada pertemuan singkat yang diatur itu, waris Mahsuri dan Pekerma Jaya berikrar menjadikan kisah silam itu sebagai iktibar dan merapatkan semula hubungan dengan membuang yang keruh, ambil yang jernih'.

Kedua-dua keluarga itu ada pertalian persaudaraan kerana Wan Derus adalah adik kepada Pekerma Jaya yang juga dikenali sebagai Wan Yahya.

Menurut Ahmad Ayob iaitu suami Khatijah Darus, 43, (generasi ketujuh Pekerma Jaya), generasi ketiga keluarga itu, Wan Mat Saman Wan Mat Ali, pernah ke Phuket untuk menjejak keturunan Wan Derus tetapi kedatangannya tidak diterima.

Berikutan itu, keturunan Pekerma Jaya selepas Wan Mat Saman tidak lagi menggunakan Wan pada awal nama mereka untuk mengelak dikesan kerana khuatir dibalas dendam.

Kini, rasa sangsi antara dua keluarga itu sudah terlerai dengan hubungan kemanusiaan dipulihkan apabila masing-masing menjadikan peristiwa silam itu sebagai sempadan dan teladan.

Sesungguhnya, ia bukan sekadar pengajaran berharga bagi mereka yang terbabit, malah untuk setiap insan supaya tidak menabur dan mempercayai fitnah serta memastikan tindakan diambil dengan usul periksa.

(END)